




MINDA PRIHATIN | Dr. Iskandar Hasan Tan Abdullah

Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.



Cabaran Mewujudkan Negara Bangsa

Demokrasi merupakan satu sistem pemerintahan politik moden yang diamalkan selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Matlamat pembentukan sistem demokrasi dalam pemerintahan politik diwujudkan oleh negara Berikat selepas menewaskan pihak Axis.

Pihak Berikat yang diketuai oleh Amerika, Perancis dan British bersetuju membebaskan negara jajahan dan naungan mereka dengan syarat kepimpinan negara tersebut mesti mengutamakan sistem demokrasi dalam pemerintahan politik mereka selepas diberikan kemerdekaan.

Dalam hal ini, China dan Rusia meneruskan sistem amalan sosialis dan komunis dalam pemerintahan politik di negara mereka. Rusia dan China serta beberapa buah negara yang bersekutu dengannya telah membentuk blok komunis dan sosialis. Impaknya telah membentuk dua blok sistem pemerintahan politik moden di dunia. Walaupun blok komunis telah runtuh pada tahun 1990, namun keruntuhan blok komunis telah menukar kepada blok yang lebih mesra dengan sosialis yang diadun dengan sebahagian elemen demokrasi.

Malaysia atau dahulunya dikenali sebagai Malaya telah bersetuju menggunakan sistem demokrasi


selepas diberikan kemerdekaan oleh British. Semasa zaman prakemerdekaan, kepimpinan Malaya pada masa tersebut telah belajar dan mengharungi susah payah untuk mengeluarkan pemerintahan sistem feodal kepada sistem demokrasi untuk kewujudan sebuah negara baharu. Untuk menjayakan kewujudan sistem demokrasi Malaya pada masa itu, banyak cabaran terpaksa ditempuh. Antaranya termasuklah dengan menyegerakan peralihan kuasa eksekutif, legislatif dan kehakiman kepada kepimpinan rakyat. Hal tersebut dapat dilakukan dengan persetujuan Raja-Raja Melayu melalui kontrak sosial. Sebagai timbal balas, kedaulatan Raja-Raja Melayu dikekalkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ketua Negara ialah Yang di-Pertuan Agong, manakala Ketua Kerajaan pula dipilih menerusi undian rakyat. Seterusnya sistem pilihan raya diadakan untuk memilih wakil mereka. Melalui kewujudan sistem pilihan raya, kepimpinan pada masa

itu perlu memberikan penerangan kepada rakyat untuk terlibat dalam sistem pilihan raya. Rakyat Malaya pada tahun 50-an hingga 70-an masih melihat pemimpin daripada golongan bangsawan untuk memimpin kerajaan dalam sistem demokrasi yang merupakan gelombang pertama pendemokrasian di negara ini

Gelombang kedua pendemokrasian di negara ini bermula pada tahun 80-an hingga ke era milenium. Gelombang kedua ini membawa kepada aspirasi rakyat untuk memilih golongan intelektual dan tidak lagi daripada kalangan kepimpinan golongan bangsawan. Kewujudan era tahun 80-an menandakan bahawa peralihan rakyat untuk melihat manfaat daripada sistem demokrasi kepada pembangunan kehidupan mereka. Hal ini membawa kepada soal pembentukan negara bangsa dan hak kepada negara bangsa. Berbagai-bagai kumpulan yang datang daripada beberapa buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah mula masuk ke dalam parti politik dan keterlibatan bersama dalam menyokong dan mengukuhkan parti yang dinaungi oleh mereka. Akhirnya sistem kepartian menjadi teras utama dalam gelombang pendemokrasian kedua dengan disokong oleh gerakan sivil yang melibatkan NGO.

Cabaran kedua pendemokrasian negara ini telah membawa masalah



baharu kepada kehidupan berpartipasi dalam politik negara ini, iaitu *thymos*. Masalah ini sebenarnya boleh dilihat dalam dua bentuk yang berbeza, iaitu *isothymia* dan *megalothymia*. *Isothymia* boleh diertikan sebagai tuntutan untuk dihormati atas dasar hak sama rata dengan kumpulan yang lain dan bermaksud tuntutan antara kumpulan majoriti dan kumpulan minoriti dalam sesebuah negara. Hal ini melibatkan hak kesamarataan dalam berkenegaraan di negara ini dan politik identiti menjadi cabaran dalam gelombang pendemokrasian kedua, selain didorong oleh pencarian pengiktirafan oleh kumpulan yang menganggap diri dan kumpulan mereka sebagai terpinggir oleh masyarakat.

Masalah *isothymia* juga sebenarnya menafikan kebarangkalian kecemerlangan yang boleh dikecap oleh individu atau kumpulan tertentu dalam aspek politik kepartian negara. Pengiktirafan bahawa semua orang adalah sama, atau mempunyai hak yang sama rata, sebenarnya merupakan kegagalan untuk mengenal pasti sama ada individu atau kumpulan yang sememangnya baik dalam sesuatu perkara atau unggul dalam perkara tertentu. Akhirnya, dapat difahami bahawa masalah *isothymia* ini merupakan isu jiwa yang menghendaki pengiktirafan dan perasaan berhak untuk dihormati. Ketegangan yang berlaku dalam gelombang kedua pendemokrasian negara telah menyebabkan Malaysia tidak dapat mengelak daripada isu 3R, iaitu isu agama, kaum dan raja.

Perkembangan dunia teknologi yang semakin pesat akhirnya memperkenalkan dunia digital. Pembentukan dunia digital telah menyemarakkan lagi gelombang ketiga pendemokrasian di negara ini. Masalah *thymos* kelihatan semakin terjejas melalui tekanan yang wujud akibat ketidakpastian ekonomi yang seiring dengan perubahan teknologi yang pesat. Hal tersebut menyebabkan wujudnya isu kedua, iaitu *Megalothymia*. *Megalothymia* merupakan keinginan untuk diiktiraf

atau dikenali sebagai unggul termasuklah berani mengambil risiko, terlibat dalam perjuangan monumental serta mencari kesan yang lebih besar sehingga membawa kepada pengiktirafan individu atau kumpulan tersebut terhadap yang lain. Masalah *megalothymia* ialah melibatkan kebaikan berposisi, iaitu yang perasaan yang didasarkan kepada rasa kebersamaan yang tidak boleh dikongsi oleh mereka yang bukan dalam kumpulan atau golongan yang sama. Ringkasnya, keadaan ini membabitkan psikologi yang inginkan status yang terkandung dalam biologi manusia. Jika sebelum gelombang ketiga pendemokrasian, soal pemilikan dan pegangan ekonomi menjadi keutamaan, namun setelah berlaku globalisasi, soal keinginan untuk diiktiraf berdasarkan status, mahupun kumpulan atau golongan berubah menjadi keutamaan pula.

Sebagaimana yang dijelaskan bahawa psikologi *megalothymia* sering melibatkan kumpulan menengah berbanding dengan kumpulan yang miskin dan terdesak atas faktor akan kehilangan status dengan kumpulan yang lain. Hal ini dapat dibuktikan dengan golongan pendesak dalam kalangan kelas pertengahan, berpelajaran dan terdedah dengan pelbagai maklumat. *Megalothymia* juga sering dikaitkan dengan harga diri yang melahirkan narsisisme sehingga membawa kepada perjuangan peribadi berbanding dengan perjuangan menuntut keadilan sosial. Jika diamati, kekeliruan dan polemik yang berlaku dewasa ini sebenarnya menterjemahkan kekusutan harga diri yang diapit oleh kebencian akibat tekanan sosial. Hal tersebut dapat diperhalusi bahawa ancaman terhadap keanggotaan dan pemilihan serta perasaan unggul berbanding dengan yang lain telah mencipta kebencian dan mempengaruhi golongan yang sama.

Pada hakikatnya, *thymos* ialah perasaan marah dan bangga termasuklah pertimbangan bernilai

yang saling berkaitan dengan politik identiti yang wujud dalam gelombang kedua pendemokrasian. Akan tetapi, perkembangan *thymos* semakin memburuk dengan adanya dunia digital dalam gelombang pendemokrasian ketiga negara ini disebabkan wujudnya perasaan inginkan hak sama rata. Reaksi anak watan pula di pengaruhi oleh keinginan untuk diiktiraf sebagai unggul yang telah merencatkan proses pembinaan negara bangsa. Pertelagahan antara elemen *isothymia* dan elemen *megalothymia* dalam negara ini menyebabkan lahirnya krisis politik dan perpecahan dalam masyarakat di negara ini khususnya masyarakat Melayu sehingga mengganggu pembentukan anak watan dalam kenegaraan bangsa di negara ini.

Kotak fikiran beberapa kumpulan tertentu serta tindak-tanduk mereka dapat diperhatikan dalam beberapa insiden yang berlaku pasca Pilihan Raya Umum ke-14 sehingga kini. Pendefinisian semula, iaitu slogan Malaysia Madani mampu mengisi pelbagai tindakan yang boleh membawa kembali dengan norma dan *status quo*, yang bukan sahaja dalam konteks parti politik, malah turut melangkaui sejarah, budaya dan citra Malaysia. Hal ini amat penting dalam menjayakan negara bangsa Malaysia yang lebih toleran dan bersifat kewatanan bagi menangani persepsi negatif daripada kumpulan tertentu. Namun begitu, isu *isothymia* dan *megalothymia* tidak akan berakhir selagi rakyat tidak bersedia untuk mengeluarkan daripada kotak fikiran mereka.

Gelombang pendemokrasian ketiga sepatutnya membawa Malaysia ke arah sebuah negara maju yang keluar daripada permasalahan politik identiti. Perpaduan negara bangsa mampu mengekalkan kestabilan politik. Oleh itu, perkembangan dunia digital kini perlu dilihat sebagai satu langkah untuk mengharmonikan suasana negara bangsa yang dipersetujui bersama sebagai warga Malaysia. ■